



09 APR, 2020

## Petani lega, jalankan aktiviti pertanian seperti biasa

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

## Petani lega, jalankan aktiviti pertanian seperti biasa

**TASEK GELUGOR:** Golongan penanam sayur dan buah kini mampu menghela nafas lega susulan penguaman Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad lepas, yang membenarkan sektor pertanian beroperasi seperti biasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.

Tinjauan Bernama di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) dekat Ara Kuda di sini mendapati aktiviti pertanian berjalan seperti biasa dengan para petani

masing-masing sibuk menguruskan hasil pertanian untuk diedarkan kepada pemborong, yang kemudiannya dijual di beberapa pasar raya dan kedai runcit berhampiran.

Seorang penanam sayur dan buah, Rahemy Ab Rahim, 42, berkata, arahan yang dikeluarkan kerajaan di harap dapat mengatasi masalah lambakan hasil pertanian kerana isu itu dilihat sebagai kemelut utama yang dihadapi rata-rata golongan penanam sayur dan buah.

"Buat masa ini kami ber-

operasi seperti biasa, namun dari segi perancangan kos pengeluaran tanaman, kami jarakkan masa (hari) supaya ia tidak melebihi permintaan bagi mengelakkan masalah lambakan," katanya kepada Bernama.

Menurutnya, sepanjang PKP beliau banyak bergantung kepada pemborong di sekitar Kepala Batas, Bukit Mertajam dan Padang Serai, Kedah untuk membeli hasil tanaman seperti sawi, kangkung, kacang panjang dan bendi memandangkan pemborong dari Jitra, Sungai

Petani dan Alor Setar tidak dapat membeli hasil pertanian itu ekoran pergerakan yang terhad sepanjang PKP.

"Lambakan hasil tanaman (saya) dalam sehari mencecah satu hingga dua tan dan pihak FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) akan membeli lambakan itu untuk dijual di pusat FAMA di Perai, Butterworth. Inisiatif itu sedikit sebanyak memberi kelegaan buat petani," katanya.

Seorang lagi penanam sayur, Teow Chun Tong, 47, berkata, penjelasan terba-

haru oleh kerajaan itu amat bertepatan, namun golongan petani sendiri perlu menitikberatkan langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil sepanjang berurusan dengan pelbagai pihak termasuk pekerja dan pemborong bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan Covid-19.

"Apa yang dinyatakan oleh kerajaan itu bagus malah berharap urusan memungut hasil di sini akan berjalan seperti sedia kala tanpa melibatkan lebih.

Cuma bagi saya, kesihatan

itu perlu diutamakan kerana kita tidak tahu dengan siapa kita berurusan.

"Malah, saya sering tekan pekerja untuk sentiasa mengutamakan kebersihan tidak kira di mana mereka berada," katanya.

Tambahnya, beliau turut mengambil inisiatif mengagihkan lebih sayuran seperti sawi bunga, timun, kacang panjang dan sebagainya kepada jiran tetangga dan golongan yang memerlukan bagi mengelakkan pembaziran.

— Bernama



09 APR, 2020

## Petani lega, jalankan aktiviti pertanian seperti biasa

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TASEK GELUGOR: Golongan penanam sayur dan buah kini mampu menghela nafas lega susulan pengumuman Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad lepas, yang membenarkan sektor pertanian beroperasi seperti biasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa.